

Bangsa Asia perlu bangkit

Oleh AZMAN ISMAIL
(WARTAWAN UTUSAN)

UM 21 OCT 2004
BANGSA Asia perlu berubah merupakan satu mesej yang jelas oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad supaya negara-negara di rantau ini melakukan sesuatu demi masa depan Asia. Ia kerana sejak abad ke-15, negara-negara Asia tidak pernah terlepas daripada hegemoni Barat yang merupakan penjajah hingga ke hari ini meskipun tidak lagi bersifat fizikal.

Dr. Mahathir antara lain melihat bahawa, Asia telah lupa tentang kehebatan peradaban mereka yang tersirna daripada peradaban silam di China, India, Jepun dan Asia Tenggara. Sedang masyarakat Eropah masih lagi memakai pakaian yang dibuat daripada kulit binatang, bangsa Asia telah mengenali sistem birokrasi dan kenegaraan yang tersusun serta lengkap.

Sehubungan itu, beliau dalam ceramahnya Ho Rin Hwa di Singapura baru-baru ini, mengimbau supaya Asia mempunyai kekuatan ekonomi, politik dan kepimpinan tersendiri untuk memecah hegemoni Barat.

Persoalan yang sering menjadi isu dalam hierarki dunia hari ini ialah, adakah negara-negara Asia merupakan negara kelas kedua yang masih ketinggalan dalam pelbagai aspek berbanding dengan negara-negara Eropah? Atau Asia tidak mampu 'hidup' tanpa Eropah dan Barat?

Negara-negara kuasa besar seperti Britain, Amerika Syarikat (AS) dan Perancis begitu dominan dalam menetapkan percaturan dunia dengan memanipulasi nama pertubuhan dunia seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kenapa negara-negara yang dianggap sebagai tonggak ekonomi Asia seperti Jepun, Korea Selatan, China, Taiwan dan sebagainya seolah-olah akur dengan pandangan ini? Kesimpulan yang dapat dibuat ialah ekonomi dan teknologi mereka masih bergantung kepada Barat.

Sebenarnya sarjana-sarjana Barat seperti John Naisbit dan Samuel Huntington telah melihat pertembungan yang bakal terjadi antara Barat, Islam dan Asia selepas kejatuhan komunisme yang berpusat di Soviet Union.

Ramalan tentang pertembungan itu semakin jelas selepas peristiwa 11 September 2001 yang menyebabkan peradaban Asia dan Islam semakin tercalar. Mereka cenderung dilabel sebagai bangsa pengganas yang memberi ancaman kepada keselamatan dunia.

Dan, AS juga tahu, tiada negara-negara Asia yang mampu menggugat kedudukannya. China walaupun mempunyai penduduk melebihi 1 bilion tetapi ekonominya masih bergantung kepada pelaburan asing.

Begitu juga India yang memiliki hampir 1.2 bilion penduduk hanyalah sebuah negara yang 'kaya' penduduk dan bergantung kepada Amerika serta sekutu-sekutunya dari aspek ekonomi, persenjataan dan teknologi.

Sehubungan itu, sudah tiba masanya negara-negara Asia sebagaimana yang diimbau oleh Dr. Mahathir untuk bangun dan tidak lagi dipimpin untuk berjalan atau disuap apabila ingin makan oleh Barat.

Bangsa Asia perlu berdikari dan perkara tersebut bukan mustahil kerana Asia dan Islam jauh lebih maju ketika Barat masih berada dalam zaman gelap sekitar tahun 700 Masihi.